

0212

R 8304 AAB

MAHATHIR - AKHBAR

(EMBARGO) UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM)

KUALA LUMPUR, 19 NOV (BERNAMA) -- KERAJAAN TIDAK BERCADANG MENYEKAT KEBEBASAN AKHBAR TETAPI MENGHARAPKAN NARTAMAN BERTANGSUNGJAWAB DAN BERSIFAT PATRIOTISME UNTUK MEMESAKKAN DAN MEMPERTAHANKAN DEMOKRASI DI NEGARA INI, KATA PERDANA KENTERI MALAM INI.

MEMANDANSKAN KEBEBASAN AKHBAR MERUPAKAN SATU DARIPADA BUKUM DEMOKRASI, MEDIA MASSA HARUS MEMAINKAN PERANAN UNTUK MEMINGKATKAN PEMSETAHUAN MENGENAI DEMOKRASI, KEKUATAN DAN KELEMAHANNYA, SUPAYA NEGARA AKAN LEBIH SELAMAT, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

SERUCAP PADA MAJLIS MALAM NARTAMAN 1988 DI PUSAT DASANSAM DUNIA PUTRA PUTRA (PNTC) DI SINI, BELIAU BERKATA TIDAK SESIAPAPUN BOLEH MEMAFIKAN PERANAN YANG BOLEH DIHAINKAN OLEH MEDIA MASSA DALAM PEMBANGUNAN NEGARA.

+JIKA DIAKUI BAHANA KEBEBASAN AKHBAR MENJADI SEBAHASIAN DARIPADA DEMOKRASI, TETAPI KEKEBEBASAN MUTLAK MEMBANA KEBURUKAN,+ KATANYA.

+KITA PERLU MENENTUKAN APAKAH YANG PATUT MEMPENGARUHI KEBAJAAN, NARTAMAN DAN MASYARAKAT MENGENAI PERANAN MEDIA MASSA DALAM NEGARA KITA,+ TAMBAH BELIAU. -- LAGI

2125MST 19 11 88

R 8305 AAB

MAHATHIR - AKHBAR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MEDIA MASSA YANG DIKONGKONG OLEH KERAJAAN, SEPERTI YANG BERLAKU DI BEBERAPA NEGARA LAIN, TIDAK AKAN DAPAT MEMBUAT PENILAIAN DENGAN BAIK DAN ADIL BERTHUBUNG TINDAKAN-TINDAKAN DAN DASAR-DASAR KERAJAAN.

+NEGARA KOMUNIS SESAT SELAMA 70 TAHUN SEBELUM MENGETAHUI BAHANA MEREKA SESAT,+ TAMBAH BELIAU.

SEPANJANG MASA, MEDIA YANG DIKONGKONG OLEH KERAJAAN, MEMUJI DASAR-DASAR DAN STRATEGI-STRATEGI KOMUNIS HINGGA RAKYAT MEREKA HILANG KEUPAYAAN UNTUK MEMBEZAKAN ANTARA YANG BAIK DAN BURUK, HINGGAKAN KEGAGALAN SISTEM EKONOMI KOMUNIS JUGA, MASIH DIKATAKAN SATU KEJAYAAN.

BELIAU BERKATA, HANYA PEMIMPIN YANG SASAH DAN BERANI SAHAJA SANGSEP MEMPERKATAKAN YANG BENAR IAITU SISTEM KOMUNIS YANG SASAL ITU PERLU DIGANTI. SEHINGGA MUNCULLAH +GLASNOST DAN PERESTROIKA+ ANJURAN PEMIPPIN RUSSIA MIKHAIL GORBACHEZ.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SEBALIKNYA DI BEBERAPA NEGARA YANG MENGAMALKAN KEBEBASAN AKHBAR SEPENUHNYA, AKHBAR DAN MEDIA ELEKTRONIK PULA TIDAK BEGAN-SEGAN MENYALAHGUNAKAN KEBEBASAN ITU.

MENURUTNYA, +MEDIA YANG BEBAS TIDAK MEMBERI KEBEBASAN KEPADA PIHAK LAIN+. -- LAGI

2135MST 19 11 88

0217

P. 8306 AAB

MAHATHIR - AKHBAR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+SASARAN, MEREKA KEJAR HINGGA KE LUBANG CACINS. SESALA-GALANYA DIOEDAHKAN SEHINGGA KEAIBAN YANG DIRASAI OLEH SUBJEK ADALAH LEBIH BURUK DARIPADA SEMUA HUKUMAN YANG BOLEH DIKENAKAN TERHADAP SASARAN ITU,+ KATA BELIAU.

MEDIA DI NEGARA-NEGARA ITU MENDEDahkan SAMBAR DAN CERITA LUCAH HINGGA KEPADA KANAK-KANAK. BAHASA YANG KOTOR TIDAK LAGI DISEMBUNYIKAN SEHENTARA PENJENAYAH DIBAYAR MANS YANG BANYAK UNTUK CERITA JENAYAH YANG MENGGAMBARKAN MEREKA SEBAGAI HERO.

RAHSIA KERAJAAN DIOEDAH HINGGA KESELAMATAN NEGARA TERANCAM MANAKALA CERITA-CERITA YANG TIDAK BENAR DICIPTA DAN DISIARKAN MENSAKIBATKAN MASYARAKAT MENJADI KELIRU DAN TIDAK DAPAT MEMILAI ANTARA YANG BAIK DAN BURUK, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KEDUA-DUA CONTOH EKSTREM ITU TIDAK BAIK DAN MEMPUNYAI KESAN BURUK TERHADAP MASYARAKAT DAN NEGARA.

MALAYSIA, SEBAGAI SEBUAH NEGARA MEMBANGUN DAN DEMOKRATIK DENGAN PENDUDUK BERBILANG KAUM DAN AGAMA, MEMERLUKAN SEMUA PIHAK MEMAINKAN PERANAN KE ARAH PERPADUAN, SESUAI DENGAN DASAR DAN USAHA PEMBANGUNAN NEGARA, TAMBAH BELIAU. -- LAGI

2138MST 17 11 88

0227

R 8312 AAB  
MAHATHIR - AKHBAR 4 KUALA LUMPUR (EMBARD)

+SAYA PERCAYA TIDAK ADA SESIAPA FUM DALAM NEGARA INI YANG DENGAN SENGAJA MAHU MENGHALANG PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN,+ KATANYA. MASALAHNYA IALAH KADANG-KADANG TERDAPAT KONFLIK ANTARA KEPENTINGAN NEGARA DENGAN KEPENTINGAN KUMPULAN SERTA KEPENTINGAN INDIVIDU.

PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN SEKARANG TIDAK BEBAS SEPERTI DAHULU KERANA RAKYAT KINI SUDAH TAHU MENSSUMAKAN UNDANG-UNDANG, DAN KERAJAAN MUDAH BOLEH DISEKAT KERANA KESILAPAN PROSIOUR ATAU SEBAB-SEBAB LAIN.

+DELIMA KITA IALAH JIKA MENDEHARKAN KEBEBASAN YANG EKSTREM DALAM MEDIA, KESEJAHTERAAN MASYARAKAT AKAN TERANCAM DAN KEMAJUAN NEGARA AKAN TERSANGSU. SEBALIKNYA JIKA MENGAMBIL TINDAKAN UNTUK MENYEKAT, KITA AKAN DITUDUH SEBAGAI TIDAK DEMOKRATIK,+ KATANYA.

BERHADAPAN DENGAN DILEMA INI, KERAJAAN HANYA BOLEH BERHARAP SUPAYA MARTANAN LEBIH BERTANGGUNGJAWAB DAN BERSIFAT PATRIOTISME, KATANYA SAMBIL MENEGASKAN BAHAWA KANALAN DIRI DIPERLUKAM MALAUPUN INI AKAN MENJEJASKAN KELARISAN PENJUALAN AKHBAR MASINS-MASINS. -- LAGI

2191NST 19 11 88

0228

R 8313 AAB  
MAHATHIR - AKHBAR 5 KUALA LUMPUR (EMBARD)

AKHBAR, KATANYA TELAH MENCIPTA PELBAGAI JENIS HAK DI BAWAH KEBEBASAN MEDIA DALAM SISTEM DEMOKRASI, DAN SEKARANG PULA ADA YANG BERCAKAP TENTANG HAK UNTUK MENGETAHUI ATAU +THE RIGHT TO KNOW+.

BELIAU BERKATA, DALAM PENGURUSAN SESUATU ORGANISASI, RAHSIA DI PERLUKAM, DAN MEDIA MASSA KERANA KEPENTINGAN UNTUK MENDAHULUI AKHBAR LAIN PULA, INSIN MENDEDAHKANNYA SECEPAT MUNGKIN, SEBELUM BUNDINGAN DIJALANKAN.

BELIAU BERKATA, DI MALAYSIA, MEDIA MASSA PERLU MEMBERI SUMBANGAN KEPADA USAHA MENBENTUK PERIBADI DAN SIKAP MASYARAKAT KE ARAH SIFAT RAJIN, BERAMANAH, TEKUN DAN BERUSAHA, SUPAYA NEGARA DAPAT MEMBANGUN DENGAN PESAT.

+KITA BERASA DUKACITA KERANA TERDAPAT AKHBAR-AKHBAR YANG BUKAN SAHAJA TIDAK MEMBERI PERHATIAN KEPADA PEMBINAAN SIFAT-SIFAT INI TETAPI MEMUNJUKKAN SIKAP SINIS TERHADAP USAHA-USAHA KERAJAAN+.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, MUSUH YANG BESAR SEKALI IALAH DIRI SENDIRI IAITU SIKAP NEGATIF MENYEBABKAN +KITA SELALU MEMANDANG RENDAH TERHADAP KEMAMPUAN KITA DAN MEMBESAR-BESARKAN KEMAMPUAN ORANG LAIN+. -- LAGI

2193NST 19 11 88

0229

R 8314 AAB

MAHATHIR - AKHBAR 6 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

MENSENAI ALIRAN BARU YANG DISEBUT PEMBERITAAN PENYIASATAN, BELIAU BERKATA, MEMANG BENAR ADAKALANYA SESUATU KESALAHAN ITU PERLU DIDEDAHKAN SUPAYA PEMBETULAN Boleh DIBUAT TETAPI YANG BETULPUN PERLU DIDEDAHKAN UNTUK MENGGELAKKAN BERLAKU PERASAAN RENDAH DIRI.

PERDANA MENTERI BERKATA, TUJUAN MEMBANGKITKAN PERKARA TERSEBUT BUKAN KERANA BELIAU BERGITA-CITA UNTUK MENGHAPUSKAN KEBEBASAN MEDIA MASSA ATAU KEBEBASAN DEMOKRASI.

+ADA PIHAK YANG MUDAH MEMBUAT TUDUHAN SEPERTI INI APABILA SAYA MENYEBUT MENSENAI SESUATU,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

BELIAU BERKATA, +DEMOKRASI BERJAYA, DIAHALKAN DI NEGARA INI DAN KEBEBASAN AKHBAR MUJUD DI NEGARA KITA. TETAPI KITA HARUS SEDAR TENTANG PERLBASAI KEMUNGKINAN.+

+DENGAN ADANYA KESEDARAN INI, SAYA PERCAYA KITA AKAN LEBIH BERTANGSUNGJAWAB UNTUK MENEGAKKAN DEMOKRASI DI MALAYSIA,+ TEGASNYA.

-- BERNAMA

2133HST 19 11 88